

UMM/AA80/UM/10.5.2010/P:10(1-4)

☒ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 10/5/2010
Hari: SIN WIS: 10
Ruangan: RENCANA

Telus, merit dan rangkaian ✓

Oleh ROHAMI SHAFIE

TIDAK boleh disangkal lagi bahawa kejayaan Model Ekonomi Baru (MEB) banyak bergantung kepada ketelusan dan juga prestasi yang berasaskan merit. Ketelusan ini memberi gambaran bahawa tiada apa yang perlu dilindungi ketika melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan. Umpamanya, apabila seseorang pemimpin diamanahkan untuk menjaga kebajikan rakyat, beliau mestilah menjalankan amanah tersebut dengan telus. Begitu juga apabila sesebuah syarikat melaporkan kedudukan kewangan tahunannya, pihak pengurusan atasan mestilah bertanggungjawab mendedahkan maklumat secara telus kepada pemegang saham syarikat.

Rakyat pada masa kini tidak seperti dulu. Kejayaan sistem pendidikan dalam melahirkan ramai cerdik pandai di kalangan rakyat, menuntut kerajaan melaksanakan ketelusan tindakan pada setiap masa. Mereka ini akan sentiasa memantau apa yang dilakukan oleh kerajaan. Maka itu, ketelusan tidak boleh dipermudahkan.

Manakala merit lebih kepada pemilihan seseorang berdasarkan kelayakannya. Jika seseorang itu layak, beliau patut dipilih. Kelayakan inilah memberi impak kepada prestasi terbaik. Prestasi terbaik membawa kebaikan kepada banyak pihak.

Prestasi mesti diutamakan. Maka, tidak hairanlah ada pihak yang membangkitkan isu kerugian Pos Malaysia Berhad. Sebagai sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC), ke-

telusan Pos Malaysia Berhad sememangnya dituntut. GLC adalah milik rakyat.

Sudah tentu rakyat mahukan penjelasan kerugian yang dilaporkan berjumlah beratus-ratus juga Ringgit Malaysia. Penjelasan ini bukanlah untuk membongkar kesalahan atau menghukum sesiapa tetapi lebih kepada pengajaran berguna kepada semua pihak.

Umum mengetahui, sudah menjadi lumrah, mana-mana perniagaan pun mesti ada pasang surutnya. Tahun ini, kita mencatatkan keuntungan, tahun depan mungkin kerugian yang menimpa.

Penjelasan ini penting bagi membolehkan rakyat mengetahui apakah sebenarnya berlaku sekali gus membetulkan sebarang persepsi negatif di mata rakyat. Lebih-lebih lagi, diramalkan pendapatan agregat kumpulan 20 GLC pada tahun ini meningkat RM6 bilion kepada RM17.7 bilion berbanding tahun kewangan tahun lalu. Ramalan peningkatan sebanyak 52 peratus ini merupakan berita baik kepada rakyat Malaysia. Sebab itulah, rakyat ingin mengetahui apakah yang sebenarnya berlaku di Pos Malaysia Berhad kerana prestasinya tidak sebagaimana GLC-GLC yang lain? Mungkinkah ada faktor-faktor lain, selain kerugian dalam pelaburan Transmile?

Di samping isu kerugian Pos Malaysia Berhad yang hangat diperkatakan, pemilihan peneraju GLC juga didebatkan di kalangan ahli Parlimen dan Dewan Negara. Sekali lagi aspek merit diutarakan sama ada mereka dilantik atas merit sebenar atau merit sahbat.

Jika mereka dilantik mengikut merit sebenar, tidak ada sesiapa pun akan mempertikaikannya. Tetapi jika mereka dilantik berdasarkan merit sahbat, dua aspek perlu dilihat semula.

Pertama, dari konotasi negatif mengenai merit sahbat ini atau istilah lainnya, kronisme. Istilah ini sering dilaung-laungkan terutama bagi melahirkan ketidakpuasan hati terhadap pemilihan seseorang. Adakah seseorang itu benar-benar layak atau disebabkan beliau kenal seseorang yang berkuasa, maka beliau telah memperoleh kedudukan tersebut.

Bayangkan apa yang akan terjadi jika seseorang itu yang tidak mempunyai prestasi hebat tetapi dipilih untuk menerajui sebuah syarikat yang besar. Apa yang dirisaukan, prestasi syarikat itu akan terkena tempasnya jika peneraju tersebut tidak cukup hebat. Istilah kronisme sering membayangi perkara ini. Istilah ini cukup popular selepas berlakunya kemelesetan ekonomi Asia pada tahun 1997/98 yang turut melanda negara kita.

Namun, di satu sudut yang lain dan jarang dihuraikan secara mendalam, istilah ini boleh didendangkan dalam nada yang positif. Justeru, tidak mustahil kronisme ini boleh diterjemahkan dalam perkataan yang lebih baik dalam urusan perniagaan.

Rangkaian (*networking*) itulah istilahnya. Mana-mana perniagaan sekalipun amat memerlukan rangkaian. Rangkaian memberi impak besar kepada kejayaan perniagaan. Para peniaga dan usahawan mestilah me-

ngenali ramai orang, barulah perniagaan itu boleh maju.

Tanpa rangkaian, bagaimana peniaga mahu mendapatkan bekalan berkualiti serta menjual produknya. Tanpa rangkaian juga bagaimana peniaga ingin mendapatkan bantuan ketika dalam kesusahan? Rangkaian inilah yang akan berkembang sehingga menjadi 'sahabat karib perniagaan'.

Dengan rangkaian jugalah, kepercayaan akan terhasil. Setiap ahli perniagaan mestilah mempunyai orang-orang kepercayaannya.

Orang-orang inilah yang akan memberi impak kepada kejayaan perniagaan atas faktor kerjasama yang erat di antara satu sama lain. Impaknya akan lebih besar lagi, jika orang kepercayaan itu sememangnya berprestasi tinggi, bijak, rajin dan bertungkus lumus, maka rangkaian yang dibina akan benar-benar utuh untuk memperkukuhkan lagi perniagaan.

Justeru itu, rangkaian mestilah digandingkan dengan merit. Manakala, ketelusan menjadi pelengkap kepada merit dan rangkaian agar tidak berlaku sebarang pandangan negatif di kalangan rakyat.

Oleh itu, gandingan ketelusan, merit dan rangkaian ini sewajarnya digemblengkan bersama-sama jika kita ingin melihat GLC sebagai sebuah konsortium pelaburan jenama Malaysia yang berdaya maju, terkenal dan gagah di persada dunia.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan Kolej Perniagaan (COB), Universiti Utara Malaysia